



## **"KEWAJIPAN MENGHORMATI IBUBAPA" (SEMPENA HARI IBUBAPA)**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَقَضَى رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ  
وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا .  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ  
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:  
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا  
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita bertaqwa dan berbakti kepada Allah S.W.T. dengan mengerjakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-



Nya, mudah-mudahan Allah memberkati kehidupan kita dengan nikmat serta taufiq dan hidayah yang berkekalan.

Khutbah kali ini ingin menyedarkan kita betapa pentingnya tanggungjawab dan **"Kewajipan Kita Menghormati Ibu Mama."**

### **Muslimin yang berbahagia,**

Baru-baru ini terpapar di dada akhbar peristiwa yang menyayat hati, seorang bapa ditikam oleh anaknya sendiri. Tikaman tersebut mengakibatkan bapanya luka parah, berlumuran darah dan terlantar di hospital. Perkara ini berlaku ekoran tindakan bapanya yang cuba meleraikan pertengkaran antara anak dengan tunangnya.

Peristiwa seperti ini sering kita dengar dan baca di media-media massa sebelum ini, bukan sahaja anak tidak mentaati bapa, malah menghina, memukul hingga sampai ke peringkat membunuh dengan kejam disebabkan gagal mendapat sesuatu yang dihajati. Apakah wajar perkara ini dibiarkan berlaku? Mengapa ada anak sanggup menderhaka kepada ibu bapa? Apakah dia lupa, kedua ibu bapa adalah yang menjadi perantaraan kelahirannya di dunia?

Hadis daripada Abu Bakrah bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَلَا أُنبئكم بأكبر الكبائر، ألا أنبئكم بأكبر الكبائر،  
الكبائر، ألا أنبئكم بأكبر الكبائر ( ثلاثاً ) .



قَالُوا : بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ : الإِشْرَاقُ بِاللَّهِ ، وَ  
عُقُوقُ الْوَالِدَيْنِ .

*"Mahukah kamu, aku tunjukkan tentang dosa yang paling besar, mahukah kamu, aku tunjukkan tentang dosa yang paling besar, mahukah kamu, aku tunjukkan tentang dosa yang paling besar?. Lalu para sahabat menjawab, "Mahu ya Rasulullah". Kemudian Baginda bersabda, "Menyekutukan Allah dan menderhaka kepada kedua orang tua".*

*(Riwayat al- Bukhari dan Muslim)*

### **Muslimin yang berbahagia sekalian,**

Kelahiran bayi, belum selesai tugas seorang ibu, bahkan tugasnya bertambah berat, seperti menyusuinya, merawat, mendidik dan melindungi anaknya hingga besar. Semua itu dilakukannya dengan senang dan rela hati, meskipun bersusah payah dan tidak kenal erti penat lelah. Begitulah pengorbanan seorang ibu.

Sementara pengorbanan seorang bapa juga tidak kurang juga besarnya. Tanggungjawab dan pengorbanannya dalam mencari nafkah hidup, melindungi keluarga dari sebarang gangguan dan sebagainya. Semuanya dilakukan dengan ikhlas, demi kelangsungan hidup dan keselamatan anak, agar kelak menjadi anak yang soleh dan solehah, dapat beribadah kepada Allah dan berbakti kepada kedua orang tuanya serta berjasa kepada bangsa dan negara.



Oleh sebab itu, maka ketika jerih payah kedua orang tua membesarkan anak, memberikan kasih sayang, perhatian serta pendidikan, tidaklah wajar dibalas oleh anak dengan kederhakaan dan kezaliman.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Allah S.W.T. memberi perhatian yang sangat istimewa terhadap ibu bapa, sehingga perintah memuliakan keduanya, ditempatkan di dalam urutan ayat, yang memerintahkan supaya menyembah Allah dan mengesakan-Nya.

Firman Allah SWT. dalam surah an-Nisa' ayat 36:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا<sup>ص</sup> وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ...

*"Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa jua, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa".*

Ayat ini menerangkan bahawa taat kepada kedua ibu bapa, merupakan suatu kewajipan bagi setiap anak dan amalan yang mesti diutamakan.

### **Sidang Jumaat yang berbahagia,**

Menurut sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Jabir r.a., seorang lelaki mengadap Rasulullah s.a.w. mengadukan tentang bapanya, hendak mengambil semua hartanya. Maka Rasulullah s.a.w. menyuruh lelaki itu kembali dan datang bersama bapanya. Sementara itu, turunlah malaikat Jibril a.s. menemui Nabi Muhammad s.a.w. dan berkata:



*"Wahai Muhammad!, sesungguhnya Allah S.W.T. mengucapkan salam kepadamu dan berpesan, kiranya bapa lelaki itu datang, tanyakan tentang rintihannya, supaya engkau dengar rintihan tersebut".*

*Tatkala orang tua itu datang bersama anaknya, Nabi Muhammad s.a.w. bertanya kepadanya: "Apakah yang berlaku hingga anakmu ini mengadu tentang dirimu"?. Benarkah engkau hendak mengambil semua hartanya?. Orang tua itu menjawab, "wahai Rasulullah!, silalah engkau tanyakan sendiri kepadanya". Sebenarnya aku membelanjakan hartanya untuk menafkahkan salah seorang makciknya, saudara perempuannya dan untuk diriku sendiri. Rasulullah s.a.w. bersabda, "khabarkanlah apa yang engkau katakan kepada dirimu dan didengar oleh kedua telingamu?".*

*Orang tua itu menjawab: "Wahai Rasulullah s.a.w., aku telah mengatakan kepada diriku begini; Aku suapi engkau wahai anak semasa kecil, dan aku lindungi engkau sehingga besar. Engkau wahai anak, ku beri minum daripada hasil titik peluhku. Jika malam engkau sakit, aku tidak dapat tidur. Kerana sakitmu itu, aku tetap berjaga sepanjang malam, seolah-olah aku sendiri yang sakit, bukan dirimu.*

*Engkau sebenarnya sakit, bukannya aku, tetapi air mataku tetap berlinang, aku takut engkau mati. Pada hal aku mengerti, bahawa mati itu adalah ajal yang telah ditentukan. Tetapi....tatkala engkau telah besar dan dewasa, sampai kepada usia di mana engkau menjadi harapanku, sampai hati engkau balas aku dengan kekasaran dan keras hati. Seolah-olah engkaulah yang berjasa kepadaku, dan aku ini terhutang budi kepadamu.*



*Mengapa engkau tidak menghargai aku sebagai bapamu?. Jika tidak pun demikian, mengapa engkau tidak bersikap seperti jiran terhadap tetangganya?.*

*Tatkala itu, Rasulullah s.a.w. menitikkan air mata mendengarnya, kemudian memegang bahu anak orang tua itu, seraya bersabda:*

أَنْتَ وَمَالُكَ لِأَبِيكَ.

*"Dirimu dan harta bendamu adalah milik bapamu".*

*(Riwayat at- Tabrani)*

Demikianlah hadirin sekalian, rintihan seorang bapa apabila anaknya tidak mengenang jasa dan melupakan pengorbanannya. Betapa sedihnya hati bapa, jika anak masa kecil ditatang bagai minyak yang penuh, tetapi apabila telah besar, didapati tidak mahu bersua muka, tidak mengambil tahu kebajikan dan makan minumannya, tidak mengambil perhatian sakit peningnya, lebih-lebih lagi kalau didapati anaknya bermacam muka apabila bertemu, tidak mahu bertegur sapa, bengis dan menunjukkan kebencian kepadanya. Walau bagaimanapun, amat sedikit bapa yang melahirkan rintihan untuk didengari oleh anaknya. Mereka lebih rela memendam rasa dan bersabar serta mengharapkan agar anaknya mendapat petunjuk Allah. Betapa besarnya dosa seseorang anak yang menderhaka kepada orang tua.

Hadis daripada Abu Hurairah RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

مَلْعُونٌ مَنْ عَقَّ وِلْدَانَهُ



*"Dilaknati (terkutuk) orang yang menyakiti kedua orang tuanya".*

*(Riwayat at-Tabrani dan Hakim)*

### **Muslimin yang berbahagia!,**

Rasulullah s.a.w. dalam beberapa hadis, mengajar kita bagaimana cara yang sewajarnya menghormati ibu bapa. Antaranya:

1. Hendaklah berdiri ketika menyambut kedatangan kedua ibu bapa.
2. Hendaklah memandang wajah keduanya dengan pandangan penuh kasih sayang dan hormat.
3. Hendaklah mentaati suruhannya, selama mereka tidak menyuruh berbuat maksiat.
4. Jangan berjalan mendahuluinya. Sebaliknya beri dia berjalan di hadapan dan kita berjalan di belakangnya.
5. Jangan memanggil namanya, tetapi panggilah dia ayah dan ibu atau panggilan yang disukainya.

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian!,**

Bersyukurlah bagi mereka yang ibu bapanya masih hidup, masih ada peluang menghormati dan mentaati serta melahirkan kasih sayang kepada keduanya.

Bagi ibu bapa yang telah meninggal dunia, doakanlah supaya diampun dosa keduanya. Ziarahilah pusara keduanya pada masa-masa yang sesuai,



doakan keampunan bagi kedua-duanya serta hubungilah sahabat-sahabatnya dan orang yang selalu didampinginya ketika dia hidup.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Marilah kita muhasabah diri, dengan:

Menilai bagaimana hubungan kita dengan ibu bapa kita. Kita betulkan mana yang tersilap, kita rapatkan mana yang renggang, kita hargailah pengorbanannya, mudah-mudahan kita mendapat keredhaan-Nya.

Memahami bahawa menyakiti ibu bapa adalah dosa besar. Oleh itu, kita mohon kepada Allah supaya mengampunkan dosa kita, dosa yang kita telah lakukan kepada orang yang paling berjasa dengan kita.

Berbaktilah kepada kedua ibu bapa kita, kerana dengan itu kita akan mendapat ganjaran Allah yang besar di akhirat kelak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
... وَبِرًّا بِوَالِدَيْهِ وَلَمْ يَكُنْ جَبَّارًا عَصِيًّا ﴿١٤﴾

*"...Dan ia taat serta berbuat baik kepada ibu bapanya, dan ia pula tidak sombong, angkuh atau derhaka".*

*(Surah Maryam : 14)*



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا  
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ  
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ .  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةِ ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ  
سَلَاطُونَ ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ



العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ  
وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ  
الدِّينِ ادريس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ  
اَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ  
وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى  
وَالرِّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ اَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ اَعْيُنٍ  
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِيْنَ اِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً  
وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ  
ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

مجيد/نورول\*\*

28.04.2014